

# 'Gelap mata' punca rasuah di sektor awam

**S**EJAK kebelakangan ini, media cetak dan elektronik kerap menyiarkan berita penglibatan penjawat awam dalam kegiatan rasuah.

Perbuatan yang disifatkan 'gelap mata' itu berlaku dalam kalangan pelbagai peringkat penjawat awam, baik pegawai atasan ataupun bawahan.

Mereka menggunakan kedudukan dan status pekerjaan untuk hidup mewah dengan cara mudah.

Ia membuktikan berlaku korupsi dari segi moral sekali gus menjadi pembuka jalan kepada sifat tamak sehingga mendorong mereka untuk menerima rasuah secara fizikal.

Menurut pangkalan data Pusat Rujukan Persuratan Melayu, rasuah membawa maksud perbuatan yang salah di sisi undang-undang seperti menerima atau memberi wang suap dan sesuatu yang diberikan atau diterima sebagai sokongan.

Ketua Unit Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Fauziah Mohd. Saad berkata, gejala tersebut terus membelenggu penjawat awam ekoran harapan yang tinggi terhadap gaya hidup mewah sekelip mata.

"Moral yang lemah menjadi salah satu penyebab utama



RAMPASAN wang tunai berjumlah RM52 juta daripada dua orang pegawai kanan sebuah agensi kerajaan di Sabah tahun lalu merupakan rampasan tunai terbesar dalam sejarah 49 tahun penubuhan SPRM. - Gambar hiasan



FAUZIAH



MOHAMMAD RAHIM



PERTAMBAHAN bilangan penjawat awam yang ditahan berhubung kes rasuah menunjukkan berlaku korupsi moral yang serius dalam masyarakat. - Gambar hiasan

mereka terjerumus dalam kancuh rasuah sekali gus lupa soal etika dan integriti.

"Tambah pula, apabila sudah biasa menerima habuan, mereka semakin cekap untuk melakukan perkara sama dari semasa ke semasa tanpa rasa bersalah

apatah lagi takut dengan tindakan undang-undang," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau mengulas pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyatakan segelintir pegawai kanan kerajaan Persekutuan dan negeri terlibat dengan rasuah termasuk mempunyai perempuan simpanan.

## Teori kelakuan

Tambah Fauziah, rasuah yang telah menjadi tabiat itu juga didorong oleh faktor pengaruh media dan perubahan standard gaya hidup masyarakat yang tinggi.

Sementara itu, Pakar Kriminologi dan Penyarah Kanan, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin berkata, tabiat rasuah menepati teori kelakuan yang terdiri

daripada tiga komponen iaitu peluang, tekanan dan rasionalisasi.

"Penjawat awam akan menggunakan peluang iaitu kedudukan dan status mereka, diikuti tekanan seperti kos sara hidup dan gaya hidup mewah dalam masa singkat serta rasionalisasi iaitu sentiasa mencari sebab untuk menghalalkan cara.

"Mereka juga akan mengamalkan pemikiran secara minimasi iaitu sentiasa membandingkan perbuatan mereka yang dirasakan lebih kecil berbanding orang lain terutamanya orang atasan," katanya.

Ujarnya, kesan bagi tingkah laku tidak bermoral itu amat besar kerana melibatkan soal amanah dan integriti bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tempatan, malah orang asing yang akan menilai betapa lemahnya minda kakitangan sesuatu organisasi.



SPRM kini lebih tegas dan 'garang' dalam membanteras kegiatan rasuah dalam kalangan penjawat awam di negara ini. - Gambar hiasan